## TEKS UCAPAN

## LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN BERSEMPENA DENGAN PESTA TANGLUNG 2006 BERTEMPAT DI DEWAN KAPITOL, PADA 15 OKTOBER 2006.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Yang Berhormat Pn Ooi Ah Lan, Exco Perlancongan Negeri Perlis,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Rektor KUKUM (Akademik Dan Pengantarabangsaan )

Pegawai-Pegawai Utama KUKUM,

Y.Berusaha En. Shamshul Bahar B. Yaakob, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar KUKUM

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Yang berusaha saudara Lau Yong Ang, Pengarah Pesta Tanglung KUKUM 2006,

Wakil-wakil Media yang Dihormati, Warga kakitangan, dan para pelajar KUKUM yang dihormati sekalian.

Bersyukur ke hadrat allah s.w.t di atas limpah kurnia serta kasih dan sayangnya yang tidak pernah putus-putus mencurahkan rezeki buat kita semua khususnya di KUKUM dan negara ini amnya. Berkat kasih, sayang dan rezeki yang dicurahkan itulah juga mengizinkan kita semua pada hari ini untuk bersama-sama bagi meraikan pesta Tanglung Peringkat Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) 2006 dengan tema "The March Towards The Moon" anjuran Penghuni Kolej Kediaman bersama Kelab Robotik.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada ahli jawatankuasa Pesta Tanglung peringkat KUKUM 2006 pada hari ini kerana telah bertungkus-lumus dan berusaha dengan penuh gigih dan iltiazam menyatu idea, keringat dan usaha dalam

menzahirkan program ini dengan jayanya. Saya akur, sebagai mahasiswa dan mahasiswi di institut pengajian tinggi anda semua pasti sentiasa sibuk dengan kuliah, tugasantugasan akademik dan peperiksaan yang sudah pasti menuntut komitmen peribadi dan konsentrasi diri yang tinggi.

Pun begitu, semangat dan sikap proaktif anda menjadi warga universiti yang sentiasa aktif di dalam kegiatan berpersatuan dengan menganjurkan pelbagai aktiviti di peringkat universiti sebegini harus diberi pujian. Ia secara refleksi menggambarkan sikap anda semua yang sentiasa berpegang kuat kepada adat dan budaya tinggalan nenek-moyang dan berbangga meneruskan tradisi tersebut walaupun pengaruh-pengaruh budaya luar sekarang ini sangat menghakis nilai-nilai ketimuran yang menjadi kebanggaan kita semua. Syabas dan tahniah diucapkan sekali lagi.

## Hadirin dan hadirat sekalian,

Penganjuran Pesata Tanglung pada hari ini sudah pasti mempunyai matlamat atau objektifnya yang tersendiri, bukan sekadar retorik. Saya percaya dengan adanya sambutan sebegini, ia secara jelas memberi peluang kepada kaum lain untuk mengenali dan memahami dengan lebih dekat ras serta budaya masyarakat kaum Tionghua di negara ini khususnya di kalangan warga universiti ini.

Saya percaya mungkin ada di antara kita sebelum ini tidak tahu atau tidak pernah mengetahui langsung mengenai sejarah serta asimilasi pesta tanglung atau kuih bulan seperti mana yang saya sebutkan di awal ucapan saya tadi. Perspektif dan pemahaman mengenai budaya kaum tionghua di kalangan kita pasti berbeza kerana ia banyak bergantung kepada sejauh mana interaksi dan komunikasi kita dengan mereka serta latar suasana dan cara kita dibesarkan atau dalam istilah antropologi ia disebut sebagai faktor-faktor demografik.

Saya difahamkan peganjuran program ini juga mempunyai misi bagi mengembangkan dan memperkenalkan budaya tradisi kaum Tionghua yang merupakan antara elemenelemen terpenting dalam pembentukan budaya nasional bagi negara Malaysia yang yang cukup terkenal dengan masyarakatnya yang berbilang bangsa dan agama.

Ini adalah satu usaha yang baik serta terpuji kerana sebagai generasi baru pasca modenisasi, anda semua masih mahu terus berusaha mengekalkan adat dan budaya tradisi bangsa kerana ia adalah lambang serta identiti asli sesuatu bangsa yang perlu dipertahankan supaya ia tidak lapuk dek hujan dan tak kering dek panas.

Penganjuran program ini secara tidak langsung juga diharapkan dapat mengeratkan hubungan dan ikatan persahabatan sesama warga universiti. Soal perpaduan kaum adalah perkara yang sering saya tekankan kerana saya tidak mahu warga universiti ini khususnya para pelajar hidup dalam kepompong kaum masing-masing dan berpuak-puak.

Ingat, kita harus sentiasa mengamalkan sikap bertolak-ansur di antara satu sama lain. Tidak ada kaum yang lebih baik dari kaum yang lain kerana setiap satu mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Sebagai manusia yang terpelajar anda semua harus berfikir dengan bijak dan menolak sentimen perkauman yang negatif.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak penganjur kerana telah sudi mengundang saya dan seterusnya merasmikan majlis ini. Ucapan syabas dan tahniah juga diucapkan kepada Penghuni Kolej Kediaman bersama Kelab Robotik kerana telah bekerjasama dalam menganjurkan pesta tanglung KUKUM 2006 ini yang pasti akan tercatat sebagai memori yang cukup manis dan indah buat kita semua.

Dengan ucapan bismillah hirrahman nirrahim saya dengan penuh sukacita merasmikan pesta tanglung KUKUM 2006 ini. Saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.